

Perbuatan pemudi-pemudi Islam yang menyertai pertandingan Ratu Cantik dan menggunakan pakaian menyolok mata merosakkan maruah agama Islam dan maruah raja sebagai sifatnya Ketua Agama Islam di negeri ini – Titah Sultan Selangor.

*

Pihak yang berkuasa adalah diseru supaya bertindak tegas terhadap orang-orang yang tidak berpuasa; dan tindakan yang sesuai dengan taraf agama Islam sebagai agama rasmi di negeri ini hendaklah dibuat – Titah Sultan Selangor.

*

Restaurant-restaurant dan *kelab-kelab* adalah tempat yang perlu dikawal agar perbuatan tidak berpuasa itu (makan-makan di sana – P) tidak berlaku lagi – Titah Sultan Selangor.

*

Hai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata apa yang tidak kamu kerjakan? – Maksud firman Allah.

*

Besar kemurkaan di sisi Allah kerana kamu berkata apa yang kamu tidak kerjakan – Maksud firman Allah.

*

Saya tidak dapat berpuasa disebabkan saya ada penyakit *kidney* (buah pinggang) dan doktor menyuruh saya meminum air sebanyak-banyaknya – Sukarno.

*

Orang yang menjaga maruahnya di dalam puasa sekalipun ia diluluskan syarak tidak berpuasa hendaklah tidak

makan, minum dan merokok di hadapan khalayak ramai. – Seorang penyarah.

*

Kita bukan malaikat dan kerana itu kita mengerjakan dakwah perlu kepada makan dan minum serta belanja – Kata penyarah.

*

“Dan aku tidak minta upah daripada kamu bagi (seruan) itu. Upahku tidak lain melainkan atas (tanggungan) Tuhan bagi sekalian makhluk” – Kata Nabi-nabi Nūh, Hūd, Šālih, Lūṭ dan Shu‘ayb *‘alayhim al-salām* di dalam al-Qur’ān sūrat al-Shu‘arā’.

*

Cabutan

*

Perdagangan ialah salah satu cara yang baik untuk memupuk perhubungan baik. Kalau kita sudah berniaga kita tidak ada niat untuk melakukan peperangan – Tuan Yasnev, wartawan Pravda, lidah rasmi Parti Komunis Soviet.

*

Dasar tulen Komunis ialah untuk hidup dengan aman damai, bersahabat dengan pihak lain dan tidak mencampuri urusan pihak lain – Tuan Yasnev.

*

Ada setengah-setengah pihak yang mengaku Komunis tetapi merosakkan imej Komunisme – Tuan Nasnev.

*

Kekacauan dan kerosakan yang berlaku di Indonesia sehingga terjadi Konfrontasi dengan Malaysia di belakangnya berdiri Komunis – Kata-kata umum dari Indonesia sekarang.

*

Semaun dan Tan Malaka yang terkenal di seluruh Indonesia sebagai orang-orang Komunis adalah dididik di Russia – Berita dari Indonesia.

*

Peraduan Ratu Cantik pada fikiran saya tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang Islam – Tengku Abdul Rahman.

*

Saya tidak fikir agama Islam menghalang wanita-wanita daripada mengambil bahagian dalam peraduan Ratu Cantik itu – Tengku Abdul Rahman.

*

Memang tidak sesuai bagi wanita-wanita Islam mengambil bahagian dalam peraduan Ratu Cantik lebih-lebih lagi dalam pakaian mandi yang mendedahkan badan – Tan Sri Fatimah binti Hashim.

*

Saya menyokong sekiranya ada langkah-langkah dari pihak berwajib untuk menghapuskan peraduan-peraduan seperti itu yang merosakkan moral dan keperibadian wanita-wanita Islam – Tan Sri Fatimah binti Hashim.

*

...Dan janganlah mereka nampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang zahir (seperti pakaian di luar) muka mereka (wanita) menutup dada, mereka dengan kudung-kudung mereka – Maksud al-Qur’ān.